

Pro-Aspirasi pikan pelajar

Kuala Lumpur: Kemenangan besar kumpulan Pro-Aspirasi (Pro-A) pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2015/2016 di beberapa universiti awam (UA), baru-baru ini isyarat jelas mengembalikan semula sokongan mahasiswa terhadap perjuangan kumpulan berkenaan.

Kumpulan Pro-A menguasai Universiti Sultan Zainal Abidin dengan kemenangan 28-0, Universiti Pendidikan Sultan Idris (23-6), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (26-5), Universiti Malaya (UM) (36-4), Universiti Teknologi MARA (48-0), Universiti Putra Malaysia (UPM) (33-12), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (12-11), Universiti Sains Malaysia (28-18), Universiti Utara Malaysia (UUM) (23-36) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) (24-0).

Situasi itu jelas berbeza berbanding pemilihan MPP tahun lalu apabila beberapa UA seperti UKM, UM dan UIAM dikuasai Pro-Mahasiswa (Pro-M) yang dikait-

kan dengan kumpulan penyokong pembangkang.

Pengerusi Mahasiswa Putra UPM Anwarul Aswad Ahmad, 25, berkata, faktor kemenangan besar Pro-A pada pemilihan MPP di beberapa UA baru-baru ini kerana sokongan pelajar semakin berpihak kepada kumpulan berkenaan.

Selain itu, kata Aswad lagi, kemenangan itu dibantu dengan usaha Pro-M yang memboikot pemilihan MPP terbabit.

"Perubahan sokongan itu berlaku kerana mahasiswa hari ini mahukan perjuangan berdasarkan komitmen.

"Ia sekali gus menolak sebarang sentimen atau unsur politik luar yang menjepak keharmonian politik kampus," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut bekas Naib Yang Dipertua MPP sesi 2014/2015 itu lagi, mahasiswa kini bukan seperti dulu kerana generasi Y hanya menyokong pihak yang komited melaksanakan tugas dan janji mereka dengan baik.

Katanya, mahasiswa lebih

matang dan tidak mudah terpedaya dengan janji manis yang ditaburkan pihak tertentu.

"Mereka (mahasiswa) memberi sokongan kerana teras utama perjuangan kumpulan Pro-A mengadakan hubungan baik dengan universiti.

"Kumpulan Pro-A tidak menyokong mana-mana perjuangan radikal sebaliknya mendokong penuh inspirasi universiti.

"Ini kerana misi utama kami menjaga kebaikan dan memperjuangkan suara mahasiswa," katanya.

Sementara itu, Bekas Yang Dipertua MPP Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sesi 2010/2013, Mohamad Hafiz Ariffin, berkata, kemenangan besar itu membuktikan mahasiswa hari ini cenderung kepada perwakilan yang memperjuangkan suara mereka bermula di peringkat kampus hingga nasional.

"Saya berharap mereka yang terpilih menjadi ahli MPP melaksanakan amanah diberikan," katanya.